



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN KAEDAH TOKEN EKONOMI UNTUK MENINGKATKAN
PENCAPAIAN, MOTIVASI DAN PENGLIBATAN MURID DALAM
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN CINA**

YU CHII DING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menentukan kesan penggunaan Token Ekonomi untuk meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Data daripada pemerhatian dan temubual juga digunakan untuk menyokong data kuantitatif. Pemilihan subjek kajian melibatkan 63 orang murid tahundua di sebuah sekolah Daerah Klang, Selangor. Subjek kajian terdiri daripada 31 orang murid kumpulan rawatan dan 32 orang murid kumpulan kawalan. Data kuantitatif diperoleh daripada ujian pra dan pasca, soal selidik dan kuiz, manakala data kualitatif diperoleh daripada pemerhatian dan temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif menjelaskan kekerapan, min, sisihan piawai, manakala statistik inferens melibatkan ujian-*t* bebas. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan pencapaian yang signifikan pada kumpulan rawatan ($M=76.35$, $SP=17.86$) berbanding kumpulan kawalan ($M=62.50$, $SP=17.20$), $t(61)=-3.13$, $p<0.01$. Dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap motivasi murid kumpulan rawatan ($M=3.89$, $SP=0.32$) adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan ($M=3.15$, $SP=0.19$), $t(59)=11.08$, $p<0.01$. Analisis penglibatan murid dalam pembelajaran dari data pemerhatian menunjukkan kadar penglibatan yang lebih tinggi pada kumpulan rawatan ($M=4.00$, $SP=0.38$) berbanding kumpulan kawalan ($M=3.04$, $SP=0.47$), $t(59)= 8.81$, $p<0.01$. Data temu bual menunjukkan bahawa murid seronok belajar apabila Token Ekonomi digunakan. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Token Ekonomi dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu. Selain daripada itu, penggunaan Token Ekonomi juga mempunyai kesan positif terhadap pembelajaran murid bahasa Melayu dari segi pencapaian, motivasi dan penglibatan dalam pembelajaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



THE EFFECT OF TOKEN ECONOMY TO IMPROVE THE ACHIEVEMENT, MOTIVATION AND INVOLVEMENT OF PUPILS IN LEARNING THE MALAY LANGUAGE IN CHINESE MEDIUM NATIONAL-TYPE SCHOOL

ABSTRACT

The study aimed to determine the effect of Token Economy to improve the achievement, motivation and involvement of pupils in learning the Malay Language in a Chinese medium national-type school (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina). A quantitative approach with a quasi-experimental design was used for this study. Observations and interviews were also used to support the quantitative data. A total of 63 year two pupils from a Chinese medium national-type school in Klang district were involved in the study. There were 31 pupils in the treatment group while 32 pupils were in the control group. Quantitative data were collected from the pre and posttests, quizzes, and surveys, while the qualitative data came from observations and interviews. The quantitative data were analysed by using descriptive and inferential analyses. Descriptive analysis showed the frequencies, means, and standard deviation, while the inferential statistics involved an independent t-test. The findings of the pre and posttests showed that there was a significant improvement in achievement for the treatment group ($M=76.35$, $SD=17.86$) when compared to the control group ($M=62.50$, $SD=17.20$), $t(61) = -3.13$, $p < 0.01$. The result also showed that the level of motivation for the treatment group ($M=3.89$, $SD=0.32$) was significantly higher than the control group ($M=3.15$, $SD=0.19$), $t(59) = 11.08$, $p < 0.01$. Analyses of pupils' involvement in learning through the observation data showed a higher rate of involvement for the treatment group ($M=4.00$, $SD=0.38$) than for the control group ($M=3.04$, $SD=0.47$), $t(59) = 8.81$, $p < 0.01$. Interview data indicated that pupils enjoyed learning when the teacher used Token Economy in the classroom. This study showed that the use of Token Economy could enhance the effectiveness of teaching and learning in the Malay language. In addition, the use of Token Economy had a positive impact on the pupils' learning of the Malay language in terms of achievement, motivation and involvement in their learning.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv



SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.7 Kerangka Teoretikal	14
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Batasan Kajian	17





1.10 Definisi Operasional	17
1.10.1 Keberkesanan	17
1.10.2 Sekolah Cina	18
1.10.3 Bahasa Kedua	19
1.10.4 Pengajaran Secara Tradisional	20
1.10.5 Peneguhan	21
1.10.6 Token	21
1.10.7 Pencapaian Akademik	21
1.10.8 Motivasi	22
1.10.9 Penglibatan	22
1.11 Kesimpulan	23

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	24
2.2 Teori Belajar Yang Berkaitan Dengan Token Ekonomi	25
2.2.1 Teori Belajar E.L. Thorndike	25
2.2.2 Teori Pelaziman Operan Skinner	27
2.2.3 Teori Humanistik Abraham Maslow	28
2.3 Motivasi	29
2.3.1 Definisi Motivasi	29
2.3.2 Motivasi Dan Bahasa Kedua	33
2.4 Token Ekonomi	35
2.4.1 Sejarah Token Ekonomi	35
2.4.2 Definisi Token Ekonomi	36





2.4.3	Token Ekonomi Dan Motivasi	38
2.4.4	Token Ekonomi Dan Pencapaian Akademik Murid	39
2.4.5	Token Ekonomi Dan Penglibatan Murid	43
2.5	Kajian Lepas	45
2.6	Kesimpulan	48

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
-----	------------	----


3.2	Reka Bentuk Kajian	50
-----	--------------------	----

3.3	Lokasi Dan Subjek Kajian	53
-----	--------------------------	----

3.4	Instrumen-Instrumen Kajian	56
-----	----------------------------	----



3.4.1	Ujian Pra Dan Pasca	56
-------	---------------------	----



3.4.3	Kuiz	62
-------	------	----

3.4.4	Kesahan Kandungan Kuiz Ejaan Dan Bina Ayat	64
-------	--------------------------------------------	----

3.4.5	Soal Selidik	65
-------	--------------	----

3.5	Kajian Rintis	67
-----	---------------	----

3.6	Pemerhatian	68
-----	-------------	----

3.7	Temu Bual	71
-----	-----------	----

3.8	Prosedur Pengumpulan Data	72
-----	---------------------------	----

3.9	Pelaksanaan Pengajaran Dengan Kaedah Token Ekonomi	77
-----	----------------------------------------------------	----

3.9.1	Latihan Guru	78
-------	--------------	----

3.9.2	Prosedur Pelaksanaan Sistem Token Ekonomi	80
-------	-------------------------------------------	----

3.10	Analisis Data	83
------	---------------	----





3.10.1 Analisis Secara Stastistik	84
3.10.2 Analisis Temu Bual	84
3.11 Kesimpulan	85

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	86
4.2 Analisis Data Subjek Kajian	87
4.2.1 Analisis Demografi Subjek Kajian	87
4.2.2 Keputusan Bahasa Melayu Dalam Ujian Bulanan	88
4.3 Hasil Analisis Kajian	90
4.3.1 Analisis Ujian-T Bagi Ujian Pra	90
4.3.2 Analisis Ujian-T Bagi Ujian Pasca	91
4.3.3 Analisis Data Kuiz	93
4.3.3.1 Analisis Kuiz Ejaan	93
4.3.3.2 Analisis Kuiz Bina Ayat	96
4.3.3.3 Perbandingan Jumlah Markah Kuiz Ejaan Dan Bina Ayat Antara Dua Kumpulan Kajian	98
4.3.4 Analisis Data Soal Selidik	99
4.3.4.1 Analisis Ujian-T Bagi Motivasi Kumpulan Rawatan Dan Kawalan	100
4.3.4.2 Analisis Ujian-T Bagi Penglibatan Murid Kumpulan Rawatan Dan Kawalan	101
4.3.5 Analisis Data Pemerhatian	103
4.3.5.1 Analisis Data Pemerhatian Bagi Kumpulan Rawatan	103
4.3.5.2 Analisis Data Pemerhatian Bagi Kumpulan Kawalan	105





4.3.5.3 Perbandingan Hasil Pemerhatian Bagi Dua Kumpulan Kajian	106
4.3.6 Analisis Temu Bual	107
4.3.6.1 Analisis Temu Bual Murid	108
4.3.6.2 Analisis Temu Bual Guru H	111
4.4 Rumusan	115
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	117
5.1 Pengenalan	117
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	118
5.2.1 Kesan Token Ekonomi Terhadap Pencapaian Akademik	118
5.2.2 Kesan Token Ekonomi Terhadap Penglibatan Murid	119
5.2.3 Kesan Token Ekonomi Terhadap Motivasi Murid	123
5.3 Implikasi Kajian	126
5.3.1 Murid	127
5.3.2 Guru Mata Pelajaran	128
5.3.3 Pihak Sekolah	130
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	131
5.5 Kesimpulan	133
RUJUKAN	135
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Rekabentuk Ujian Pra Dan Ujian Pasca	51
3.2 Demografi Subjek Kajian	55
3.3 Kutipan Data	56
3.4 Julat Gred Permarkahan	58
3.5 Skala Penilaian	60
3.6 Pemberian Skor Kesesuaian Item Oleh Panel Penilai	61
3.7 Pengubahsuaian Item Ujian	62
3.8 Cara Pemberian Token Ekonomi Dalam Kuiz	64
3.9 Komponen Yang Terkandung Dalam Bahagian B	67
3.10 Senarai Semak Pemerhatian	70
3.11 Contoh Rumusan Pemerhatian	71
3.12 Prosedur Pelaksanaan Kajian	76
3.13 Bank Token Ekonomi	82
3.14 Ringkasan Kaedah Analisis Kajian	84
4.1 Demografi Subjek Kajian	88
4.2 Analisis Ujian Bulanan	90
4.3 Analisis Keputusan Ujian Pra	91
4.4 Analisis Keputusan Ujian Pasca	93
4.5 Analisis Jumlah Markah Dan Min Enam Kuiz Ejaan	95





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

4.6	Analisis Ujian- T Bagi Kuiz Ejaan Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	96
4.7	Analisis Jumlah Markah dan Min Enam Kuiz Bina Ayat	98
4.8	Analisis Ujian- T bagi Kuiz Bina Ayat Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	99
4.9	Analisis Ujian- T bagi Motivasi Kumpulan Rawatan dan Kawalan	102
4.10	Analisis Ujian- T bagi Penglibatan Diri Murid Kumpulan Rawatan Dan Kawalan	104
4.11	Hasil Pemerhatian Penglibatan Diri Murid Bagi Kumpulan Rawatan	106
4.12	Hasil Pemerhatian Penglibatan Diri Murid Bagi Kumpulan Kawalan	107



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.2 Kerangka Teoretikal Kajian	14
3.1 Pelaksanaan Pengajaran Dalam Kajian	78
3.2 Langkah- Langkah Pelaksanaan Sistem Token Ekonomi	79
3.3 Kertas Bulatan Kecil Dan Pelekat <i>Smiley Face</i>	81
3.4 Komponen Utama Pelaksanakan Sistem Token Ekonomi	83
4.1 Perbandingan Jumlah Markah Ejaan Dan Bina Ayat Antara Dua Kumpulan	101
4.2 Perbandingan Hasil Pemerhatian Dua Kumpulan	109



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

SENARAI SINGKATAN

DSK	Dokumen Standard Kandungan
IBM	International Business Machines
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistic Package For Social Sciences
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

SENARAI LAMPIRAN

- A Ujian Pra Dan Pasca
- B Jadual Spesifikasi Ujian
- C Borang Penilaian Item
- D Soalan Kuiz Ejaan Dan Bina Ayat
- E Borang Soal Selidik
- F Senarai Pemerhatian
- G Borang Rumusan Pemerhatian
- H Soalan Temu Bual



05-4506832



pustaka.upsi

Cadangan Rancangan Pengajaran



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



1.1 Pendahuluan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Karim, Farid, Hashim dan Hamid (2012) pernah menjelaskan tentang Artikel 152, dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa “Bahasa kebangsaan negara ini ialah Bahasa Melayu ...” Bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia dan dijadikan bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan am dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi- institusi pengajian tinggi.

Pendidikan merupakan tunjang kepada perpaduan negara. Sistem pendidikan yang mantap mampu membentuk perpaduan masyarakat yang berbilang kaum. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai satu medium bahasa pengantar dan perhubungan dapat mewujudkan persefahaman antara satu kaum dengan lain tanpa berlaku



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



perselisihan faham atau rasa curiga. Menurut Akta Pendidikan 1996, melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, kemajuan negara tidak kira dari aspek ekonomi, sosial, rohani, moral atau etika perlu direalisasikan (Zaliza & Zaitul, 2014).

Dalam Laporan Kabinet 1982 (Zaliza & Zaitul, 2014) menyatakan bahawa pada tahun 1978, Bahasa Melayu telah digunakan dengan meluas di sekolah-sekolah, malah Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan bagi masyarakat majmuk di negara ini. Dengan itu, Bahasa Melayu sudah dapat memainkan peranannya sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dalam proses mencapai integriti perpaduan negara. Kedudukan dan kepentingan Bahasa Melayu di Malaysia untuk melahirkan masyarakat berbilang kaum yang berkesefahaman dan berintegerasi nasional dan seterusnya membawa kepada pencapaian kemajuan negara sama ada dari segi sosial maupun ekonomi.



Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012), selaras dengan dasar Memartabat Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan, termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik. Untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) pula, bahasa Cina dan bahasa Tamil terus menjadi bahasa pengantar. Namun, penggunaan Bahasa Melayu yang juga sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dipercayai dapat menjayakan harapan kerajaan untuk menjayakan negara ini sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkat dan memperkuuh perpaduan dalam kalangan murid berbilang kaum.





Maka dengan hasrat murid-murid ini mampu dilatih hidup saling bekerjasama dan mempunyai semangat patriotisme serta toleransi yang tinggi selaras dengan aspirasi nasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Namun, kajian oleh Nursidah, Jamaludin dan Fairose (2010) mendapati bahawa 89% murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan tatabahasa. Dapatkan ini menunjukkan bahawa murid-murid Cina masih menghadapi masalah menguasai kemahiran Bahasa Melayu. Menurut Chew dan Lee (2010) pula menjelaskan bahawa murid-murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) gagal menguasai sebutan dan penulisan Bahasa Melayu. Masalah pencapaian Bahasa Melayu di SJKC kurang memuaskan boleh wujud disebabkan oleh kurangnya kesedaran murid-murid yang masih muda ini tentang pentingnya Bahasa Melayu dalam negara kita.



Menurut Zaliza dan Zaitul (2014), usaha pemerolehan dan penggunaan ^{bupsi} bahasa pertama dan kedua adalah berlainan. Proses semula jadi yang melibatkan keadaan minda itu berada dalam keadaan yang tidak sedar dan tidak terancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya merupakan pemerolehan bahasa pertama, manakala pemerolehan bahasa kedua adalah dalam rekaan pembelajaran bahasa baru yang dirancang dengan proses yang diniatkan sifatnya

Keperluan untuk melihat masalah pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berkaitan dengan sikap dan motivasi adalah lebih jelas kerana kajian oleh Chew (2016) menunjukkan bahawa pencapaian murid-murid bukan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kurang memuaskan. Sesungguhnya, kepentingan kaedah pengajaran yang mengambil kira penglibatan murid telah dibincang oleh tokoh-tokoh pendidikan sejak dahulu. Menurut Zaliza dan Zaitul





(2014) juga, pembelajaran berpusatkan murid mampu mendatangkan kesan yang lebih kekal berbanding pengajaran yang berpusatkan guru semata-mata.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dengan pelbagai latar belakang budaya dan pegangan agama. Sehubungan itu peranan pendidikan adalah untuk membangunkan masyarakat pelbagai kaum yang bersatu padu dan bertoleransi (Nursidah, Jamaludin & Fairose, 2010). Akta pendidikan baik Akta Pelajaran 1961 mahupun Akta Pendidikan 1996 menjadikan perpaduan sebagai agenda penting yang terkandung dalam akta-akta tersebut. Akta Pelajaran 1961 telah

05-4506832 menggariskan beberapa perkara utama bagi pembangunan pendidikan di Malaysia. bupsi

Antaranya adalah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama diikuti oleh semua pelajar. Reformasi pendidikan dikukuhkan lagi menerusi Laporan Rahman Talib (1961) dan pembentukan Akta Pelajaran 1961. Laporan Razak (1956) yang menjadi asas kepada perkembangan sistem pendidikan kebangsaan bertujuan pembentukan perpaduan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar serta penggunaan kurikulum, sukanan dan peperiksaan yang sama bagi semua pelajar.

Berdasarkan Akta Pelajaran 1996, sistem peperiksaan dan bentuk kurikulum diselaraskan untuk keseluruhan sistem persekolahan di negara ini. Lantaran itu, bahasa Melayu diumumkan sebagai bahasa pengantar utama namun masih





membenarkan bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil digunakan masing-masing di SJK, SRJK(C) atau SRJK(T). Kurikulum Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina juga berlandaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR bermatlamat untuk memperkembang potensi individu murid secara holistik bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, berakhhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011), KSSR diperkenalkan sebagai satu usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21. Dalam kurikulum pendidikan, SRJK(C) menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, maka konteks buku pembelajaran semua mata pelajaran ditulis dalam bahasa Cina dan bahasa Cina sebagai medium perhubungan dalam sekolah, kecuali waktu pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. KPM telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat mulai tahun 2011. KSSR dilaksanakan di semua sekolah rendah menjelang tahun 2016, manakala Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula dilaksanakan untuk murid Tingkatan Satu pada tahun 2017. Pernyataan tersebut ternyata dalam laporan awal PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Usaha memartabatkan bahasa Kebangsaan melalui sistem pendidikan sentiasa diperjuangkan. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan kurikulum juga berbentuk kebangsaan hanya untuk satu tujuan utama iaitu perpaduan. KPM (2012), dalam laporan awal PPPM 2013-2025 ternyata bahawa prinsip “Pendidikan





Untuk Semua” merupakan sebahagian daripada “Matlamat Pembangunan Milenium” di mana sistem pendidikan Malaysia berhasrat memastikan semua murid memenuhi standard minimum yang diterima, iaitu lulus mata pelajaran teras Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral pada akhir Tingkatan 5. Sehubungan itu, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia telah menetapkan Bahasa Melayu sebagai subjek yang wajib untuk lulus dalam peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Pentaksiran Tingkatan Tiga dan Sijil Pelajaran Malaysia. Hal ini menjadikan Bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran yang wajib dipelajari dan dikuasai oleh para murid di sekolah kebangsaan (KPM, 1980). Langkah memperkenalkan dua kertas penulisan dan pemahaman bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di SRJK ketika Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang telah dilaksanakan memberi peluang kepada murid



untuk bersedia dari awal lagi agar memenuhi syarat lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam (KPM, 1980).



Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid Cina dan India. Hampir semua waktu pembelajaran di sekolah, murid bertutur dalam bahasa Mandarin dan menulis karakter Cina bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Meskipun waktu pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, guru juga memberi penjelasan bagi perkataan atau ayat dalam Bahasa Cina agar murid lebih memahami pembelajarannya. Mengikut KPM (2011), peruntukan waktu bagi kurikulum persekolahan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tahap 1 Bahasa Melayu di sekolah adalah 300 minit, manakala Bahasa Cina adalah 360 minit. Di Sekolah Kebangsaan pula, bahasa Melayu ialah bahasa pengantar dan medium perhubungan di sekolah, maka masa penggunaan bahasa Melayu untuk penyampaian kurikulum





adalah lebih 80%. Perihal ini menentukan murid Sekolah Kebangsaan terdedah sepenuhnya dalam bahasa kebangsaan dan membenarkan mereka menghasilkan dan menyampaikan pemikiran yang berbagai- bagai dalam Bahasa Melayu.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan awal PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012), hanya 63% murid Cina dan 57% murid India berjaya mencapai tahap penguasaan Bahasa Melayu. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan ini. Sebanyak 96% murid berbangsa Cina dan 56% murid berbangsa India bersekolah di Sekolah Jenis



Kebangsaan yang berada dalam keadaan di mana kebanyakan mata pelajaran diajar dalam bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Cina atau bahasa Tamil. Kajian Kamiliah, Wan Muna dan Zamri (2016) menunjukkan bahawa murid kaum Cina ini mempunyai masalah dalam mempelajari Bahasa Melayu kerana ia merupakan subjek yang susah untuk dipelajari. Hal ini juga disebabkan Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid. Menurut Chew (2016), murid Cina kurang menguasai kemahiran bertutur terutama yang belajar di SJKC kerana mereka mempelajari semua mata pelajaran dalam Bahasa Cina, mereka tiada peluang untuk bertutur dalam bahasa Melayu; kebanyakan murid sekelas juga terdiri daripada orang Cina. Oleh sebab itu, murid kaum Cina sukar menguasai Bahasa Melayu. Kurangnya penguasaan boleh disebabkan oleh kurangnya motivasi dan penglibatan murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu (Chaer, 2010; Kamiliah, Wan Muna Ruzana & Zamri, 2016). Dalam pembelajaran bahasa kedua, motivasi dan penglibatan mempunyai





perkaitan rapat antara satu sama lain. Murid- murid yang sudi melibatkan diri dalam pembelajaran dengan motivasi tinggi berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Justeru kedua-dua elemen iaitu motivasi dan penglibatan individu untuk belajar bahasa tersebut menjayakan pencapaian penguasaan bahasa dengan tinggi (Zaliza & Zaitul 2014). Selain itu, Chaer (2010) juga bersetuju bahawa jika seseorang itu ada motivasi ingin mencapai dalam bahasa kedua, ia akan lebih berjaya berbanding dengan orang yang belajar tanpa suatu dorongan, tujuan, atau motivasi itu.

Pernyataan dalam Dokumen Standard KSSR (2011) turut menerangkan bahawa bagi Sekolah Jenis Kebangsaan, penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan bahasa kedua kepada murid untuk memperoleh kemahiran



bahasa. Tambahan lagi, dalam silibus KSSR kini, murid perlu mengetahui dan menaakul perkataan yang amat banyak berbanding silibus kurikulum sebelum ini. Kajian oleh Nursidah, Jamaludin dan Fairose (2010) serta kajian oleh Chew dan Lee (2010) telah menyatakan murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu. Hal ini boleh berlaku adalah disebabkan anak murid tidak gemar subjek Bahasa Melayu (Chew & Lee, 2010; Kamiliah, Wan Muna & Zamri, 2016). Selain itu, Chew (2016) juga menyatakan penyebab anak murid tidak gemar adalah kerana kurangnya motivasi murid untuk belajar subjek tersebut. Justeru, dalam program menjana transformasi pendidikan negara, KPM berusaha memberi peluang kepada murid yang lemah untuk menjalani “program anak angkat” dimana murid diajar oleh guru dalam kumpulan yang kecil pada waktu yang lain daripada waktu pembelajaran. KPM juga mewujudkan medium pelaksana iaitu Bidang Keberhasilan Utama Negara yang turut dikenali sebagai *National Key Result Areas* (NKRA) (2011)





dengan memperkenalkan LINUS (Program Literasi dan Numerasi) yang merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada yang dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. KPM telah menyasarkan bahawa semua murid yang tiada bermasalah dalam pembelajaran harus berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi sebelum berakhir persekolahan Tahap 1 (kecuali murid berkeperluan khas). KPM mengetahui bahawa masalah Literasi dan Numerasi masih belum mampu diselesaikan sepenuhnya walaupun pelbagai program pemulihan telah dijalankan (Abdul, Normarini, Ghazali & Saedah, 2013).

Oleh itu, adalah betapa mustahaknya seseorang guru dapat menggunakan cara-cara yang mampu manfaat untuk menolong murid mencapai kejayaan dan juga memotivasi mereka. Guru memainkan peranan penting untuk mengenalpasti cara-



yang berkesan untuk menjayakan pencapaian dan motivasi murid dalam pembelajaran (Susana, 2013). Susana (2013) juga memberi tumpuan kepada motivasi guru sebagai elemen penting dan mempengaruhi murid terhadap motivasi dan kesediaan mereka untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Dalam istilah operasional, pendidikan sekolah rendah adalah tahap pendidikan yang memberi penekanan kepada pengetahuan asas dan kemahiran kepada kanak-kanak yang masih muda. Kanak-kanak ini perlu diberi ganjaran bahan yang mempunyai kekuatan untuk memodifikasi kegemaran mereka dalam pembelajaran bahasa kedua (Mirzamani, Ashoon & Sereshki, 2011). Gilakjani, Leong dan Sabouri (2012) menyifatkan bahawa faktor yang paling utama dalam penglibatan murid untuk belajar dan pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (*passion*). Lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal murid merangkumi: memperkemaskan kesediaan para murid terhadap bahasa sasaran; mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka;





mempertingkatkan matlamat mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik.

Luecha (2011) dan Christopher, McLaughlin dan Anjali (2013) menyatakan bahawa token ekonomi dapat membantu untuk mencapai kejayaan yang positif terhadap pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran. Token didefinisikan sebagai kepingan logam atau plastik berbentuk duit syiling yang digunakan sebagai bayaran untuk menjalankan mesin tertentu (Raul, 2014). Token adalah objek atau simbol yang ditukar dengan barang atau perkhidmatan. Token ekonomi digunakan sebagai satu kaedah memperkuuhkan tingkah laku, atau meningkatkan kekerapannya, kerana token adalah cara "membayar" kanak-kanak untuk menyelesaikan tugas-tugas dan kanak-kanak kemudiannya boleh menggunakan



token ini untuk "membeli" aktiviti atau barang-barang yang dikehendaki (Miltenberger, 2008). Kajian daripada Miltenberger (2008), Ihiegbulem dan Igwebuike (2011), Luecha (2011), San (2013) dan Fiksdal (2014) telah menunjukkan penggunaan token ekonomi mempunyai kesan positif dan sebagai satu ganjaran untuk mencapai tujuan untuk meningkatkan perhatian, keseronokan dan minat (Miltenberger, 2008; Ihiegbulem & Igwebuike, 2011; Luecha, 2011; San, 2013; Fiksdal, 2014). Kajian penyelidik-penyelidik tersebut adalah penting kerana mereka mendemonstrasikan keberkesanan penggunaan token ekonomi sebagai pendorong dalam pembelajaran murid. Namun, kajian tentang penggunaan kaedah token ekonomi yang dapat mewujudkan kejayaan dari segi pencapaian akademik, motivasi dan kesediaan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKC kurang dijalankan (Abdul, Normarini, Ghazali & Saedah, 2013). Kajian oleh Sburlea dan Poel (2012) menunjukkan bahawa proses kognitif kanak-kanak tidak dapat





diselesaikan dengan ketara tanpa peneguhan. Oleh itu, jika tindakan atau tingkah laku kanak-kanak disertai dengan peneguhan, tingkah laku atau tindakan itu mampu diulang. Secara ringkasnya token ekonomi merupakan sebuah sistem pengukuhan untuk tingkah laku yang dikendalikan dan diubah dan seseorang wajar dihadiah atau diberikan pengukuhan untuk meningkatkan atau mengurangkan tingkah laku yang diingini (Luecha, 2011).

Petty (2014), menganggap bahawa motivasi sebagai elemen yang mendorong murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Lantaran itu, proses pembelajaran dapat berlaku dalam keadaan yang berkesan, berfaedah dan menyeronokkan. Menurut Christopher, McLaughlin dan Anjali (2013), penggunaan token ekonomi dikatakan boleh merangsang motivasi murid. Christopher, McLaughlin dan Anjali (2013) menyatakan bahawa token adalah objek atau simbol yang ditukar dengan barang atau perkhidmatan, manakala token ekonomi pula adalah satu sistem peneguhan individu tingkah laku untuk mencapai ikon sasaran yang kemudian dikukuhkan dengan pemberian ganjaran. Motivasi ialah penggalak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Petty, 2014). Motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif (Saari, 2016). Menurut Saari (2016), insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya, manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan. Kita boleh rumuskan bahawa penggunaan token ekonomi wajar diperkenalkan kepada murid dalam bilik darjah bagi memberi keseronokan dan meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan diri untuk belajar Bahasa Melayu.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan token ekonomi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- a) Menilai keberkesanan penggunaan token terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- b) Menilai keberkesanan penggunaan token ekonomi dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.
- c) Menilai keberkesanan penggunaan token dapat meningkatkan penglibatan diri murid dalam kelas.



1.5 Soalan Kajian


Kajian ini diharapkan dapat menyelesaikan soalan-soalan berikut:

- a) Adakah penggunaan token berkesan terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?
- b) Adakah penggunaan token ekonomi berkesan meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu?
- c) Adakah penggunaan token berkesan meningkatkan penglibatan diri murid dalam kelas?



1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian menjelaskan melalui gambar rajah tentang pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dan kaitan antaranya. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan sistem token ekonomi mampu menarik perhatian murid dalam meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran di bilik darjah.




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Terdapat dua kumpulan kajian, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pengajaran dan pembelajaran dijalankan di kumpulan rawatan diberikan token ekonomi sebagai peneguhan terhadap pembelajaran, manakala kumpulan kawalan tiada pemberian token ekonomi. Dalam konsep kajian, murid kumpulan kawalan tidak diberi token ekonomi, murid tiada matlamat dan sasaran belajara yang jelas, manakala kumpulan rawatan yang diberi token ekonomi, muridnya mempunyai matlamat dan menetapkan sasaran untuk mengumpul token ekonomi. Kajian seterusnya memperlihatkan tahap pencapaian, motivasi dan penglibatan diri murid kedua-dua kumpulan kajian.



1.7 Kerangka Teoretikal

Gambar Rajah 1.2 adalah kerangka teoretikal kajian menjelaskan kaitan antara teori-teori dan pembolehubah yang dikaji. Teori Belajar Thorndike menyatakan bahawa hukum pembelajaran terbahagi kepada tiga iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan juga hukum kesan dan dipercayai jika hukum-hukum tersebut dipatuhi, maka pembelajaran akan menjadi mudah dan berkesan (Saari, 2016). Sementara itu, Teori Pelaziman Operan oleh Skinner berpendapat bahawa manusia dapat mengawal tingkah laku dirinya melalui pelaziman operan yang terdiri daripada dua konsep utama iaitu peneguhan dan dendaan (Som & Dahalan, 2013). Menurut Teori Humanistik Maslow pula, manusia perlu memenuhi keperluan peringkat asas atau keperluan hayat atau fisiologi terlebih dahulu sebelum timbul keperluan peringkat berikutnya iaitu keperluan keselamatan (Petty, 2014). Teori-teori tersebut adalah atas pemikiran dan orientasi terhadap kajian. Perkaitan antara teori dan pembolehubah mampu membantu pengkaji untuk melihat sama ada sistem token ekonomi dapat meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran di bilik darjah.



Rajah 1.2 Kerangka Teoretikal Kajian





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan maklumat kepada perancang kurikulum, guru-guru, para pendidik, para pentadbir sekolah, Jemaah Nazir sekolah dan guru pelatih tentang keberkesanan penggunaan token ekonomi dan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Maklumat daripada kajian ini juga dapat menyedarkan para guru untuk memberi penekanan dan perhatian terhadap keperluan individu yang berbeza daripada pelbagai aspek.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)



Seperti mana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kajian ini penting sebagai satu komponen untuk membimbing murid berdepan dengan keperluan transformasi pendidikan bagi mencapai keseimbangan pembangunan individu dan cabaran masa hadapan selanjutnya melahirkan warganegara yang memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini kerana bahawa itu alat perpaduan masyarakat. Perpaduan merupakan salah satu struktur penting dalam konteks sosial Malaysia yang istimewa dan menjadi faktor perdana dalam mewujudkan masyarakat yang terdiri





dari pada individu seimbang dan harmoni seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988).

Hasil daripada kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, masyarakat dan pihak guru untuk memahami dan mengenali keberkesanan kaedah token ekonomi meningkatkan penglibatan murid dalam bilik darjah, motivasi belajar dan pencapaian akademik. Banyak kajian terdahulu oleh Miltenberger (2008), Ihiegbulem dan Igwebuike (2011), Luecha (2011), San (2013) dan Fiksdal (2014) yang menjalankan kajian tentang sistem token ekonomi telah menunjukkan bukti-bukti keberkesanannya. Kajian pengkaji ini juga telah menunjukkan keberkesanan token ekonomi kepada pencapaian, motivasi dan penglibatan murid SRJKC di sebuah sekolah di Malaysia.



Kajian ini penting kerana ia mampu membantu para guru, khususnya guru di SRJKC dalam melaksanakan sistem token ekonomi dalam bilik darjah dengan lebih baik. Penemuan dalam kajian adalah amat berguna dalam menyediakan pandangan tentang sistem token ekonomi dan membantu guru untuk melaksanakannya dan mencapai kesan yang lebih baik. Kajian ini juga dapat membantu guru-guru dan pereka kurikulum untuk merangka sistem token ekonomi yang berkesan sebagai sebahagian daripada strategi pengajaran dan pembelajaran.





1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bersifat terhad dan mempunyai batasan-batasan tertentu.

Lokasi kajian ini terbatas pada salah sebuah sekolah di daerah Klang, Selangor. Sampel kajian ini pula hanya melibatkan murid Tahun Dua yang dipilih dari dua buah kelas dengan bilangan murid setiap kelas adalah antara 30 hingga 32 orang murid. Kaedah token ekonomi sahaja yang digunakan sebagai rawatan kepada murid dalam kajian. Aspek kajian yang dinilai hanya tertumpu kepada pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja.



1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Keberkesanan

Menurut Raul (2014), keberkesanan adalah perihal berkesan atau berkesannya sesuatu tindakan, perubahan, dan sebagainya. Keberkesanan merujuk kepada sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperoleh sesudahnya (Raul, 2014). Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada perubahan positif selepas penggunaan kaedah token ekonomi bagi membantu murid meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan dalam pembelajaran.





1.10.2 Sekolah Cina

Laporan awal PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) menyatakan bahawa sekolah rendah awam terbentuk daripada tiga jenis utama: Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Setiap jenis sekolah mengaplikasikan medium pengajaran utama yang berbeza dan secara keseluruhan mencakupi hampir 99% daripada jumlah enrolmen sekolah rendah. Selain itu, terdapat pelbagai jenis sekolah yang mengadakan perkhidmatan kepada kumpulan khas, seperti sekolah agama (Islam) dan pendidikan khas.

Sufean (2013) dalam bukunya menyatakan bahawa sebelum kemerdekaan,



selaras dengan dasar pecah dan perintah sekolah vernakular telah diperkenalkan. Sekolah vernakular merupakan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantarnya. Pada pertengahan abad ke-19 iaitu apabila kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu berlaku secara beramai-ramai, kaum Cina sendiri membayai sekolah Cina iaitu sumbangan dari pertubuhan-pertubuhan, persatuan atau orang perseorangan. Penubuhan sekolah tersebut adalah untuk menentukan pemeliharaan warisan budaya dan bahasa kaum Cina. Kurikulum sekolah vernakular Cina adalah menyeluruhi ajaran-ajaran klasik Cina, opera, tulisan dan kebudayaan. Secara amnya, pengajarannya adalah secara menghafal, mengira dan menulis. Sumber-sumber seperti tenaga pengajar, isi pelajaran dan bahan-bahan pengajaran adalah dibawa masuk dari tanah besar Negara Cina. Pendedahan terhadap ajaran Confucius adalah secara banyak. Namun, oleh sebab tanah besar Cina meliputi kawasan yang amat luas dan terdapat pelbagai daerah dengan cara hidup serta kebudayaan rakyat setempat





yang berbagai- bagai, maka sekolah Cina yang terdapat di Tanah Melayu pun menuruti pelbagai corak serta bentuknya malah isi kandungan pengajaran dan pembelajaran.

1.10.3 Bahasa Kedua

Pemerolehan bahasa kedua didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya (Musa, 2014). Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara dan diwajidkan kepada rakyat Malaysia untuk belajar tanpa kira kaum. Namun, Bahasa Melayu ditarifkan sebagai bahasa kedua bagi murid bukan Melayu kerana



murid hanya mula belajar Bahasa Melayu sejak mereka masuk tadika atau sekolah rendah pada umur tujuh tahun.



Menurut Saville (2012), bahasa ibunda merujuk kepada bahasa apabila individu mempelajari bahasa pertama sejak kecil lagi. Apabila individu mempelajari bahasa tambahan, bahasa ini dipanggil bahasa kedua. Bahasa kedua juga boleh dikenali sebagai bahasa sasaran. Bahasa sasaran adalah bahasa individu yang perlu belajar dan setelah individu mempelajarinya, ia bukan lagi bahasa sasaran (Saville, 2012). Dengan kata lain, bahasa kedua biasanya merupakan bahasa rasmi atau bahasa dominan yang diperlukan dalam pendidikan, pekerjaan, dan tujuan asas lain. Bahasa kedua sering dipelajari oleh ahli kumpulan minoriti atau pendatang yang bercakap bahasa lain secara asli (Susana, 2013). Walau bagaimanapun, tidak semestinya bahasa kedua dipelajari oleh pendatang. Contoh-contoh yang jelas adalah kes murid belajar





pelbagai bahasa di sekolah, namun tidak semestinya bahasa yang dipelajari boleh digunakan di negara di mana mereka hidup (Saville, 2012).

Bahasa pertama adalah mana-mana bahasa yang diperoleh dalam peringkat awal (dari tempoh satu bulan hingga dua belas bulan), dan bahasa kedua ialah bahasa yang diperoleh setelah peringkat bayi (Hammarberg, 2010). Hammarberg (2010) mengemukakan pendapat bahawa banyak pengkaji atau pakar bahasa menyimpulkan semua perkara yang berkaitan dengan perolehan dan penggunaan bahasa bukan penutur natif sebagai “bahasa kedua”, tanpa mengambil kira berlainan pengalaman pemerolehan bahasa individu dan pengaruh yang mungkin wujud dalam proses perolehan daripada bahasa ibunda yang diketahui murid.



dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Pemerolehan bahasa kedua didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya (Musa, 2014).

1.10.4 Pengajaran Secara Tradisional

Ishak (2015) menyatakan bahawa penggunaan buku teks dan kaedah pengkulian sahaja dalam kelas adalah ditaksir sebagai pengajaran secara tradisional. Dalam kajian ini, kaedah penyampaian guru bagi mata pelajaran Bahasa Melayu kepada para murid adalah dengan menggunakan media yang seperti biasa wujud di semua sekolah





seperti papan hitam, kapur tulis , gambar rajah dan buku teks merupakan pengajaran berasaskan tradisional

1.10.5 Peneguhan

Peneguhan merupakan sesuatu item atau aktiviti yang digunakan sebagai hadiah atau rangsangan bagi mencapai sesuatu tingkah laku yang dihasrat (Raul, 2014). Peneguhan adalah sebagai alat yang penting untuk memperkuat dan meneruskan tindak balas yang diingini (Raul, 2014).



Token adalah objek atau simbol yang ditukar dengan barang atau perkhidmatan (Christopher, McLaughlin & Anjali, 2013). Token merupakan unit bagi peneguhan sistematik yang diberikan untuk merangsang dan meningkatkan tindak balas murid yang diingini (Raul, 2014).

1.10.7 Pencapaian Akademik

Ishak (2015) menerangkan bahawa pencapaian adalah apa yang telah dicapai, dihasilkan atau diperoleh atau didefinisikan sebagai prestasi, manakala akademik adalah mengenai atau berkaitan dengan akademi atau mengandungi ilmu





pengetahuan. Pencapaian akademik dalam kajian ini berkaitan dengan sejauh mana murid telah mencapai dalam pembelajaran dan ditunjukkan dengan markah dan gred yang dicapai atas prestasi bagi pengajian akademik.

1.10.8 Motivasi

Menurut Nurul Ain (2012), motif timbul daripada dorongan semula jadi atau minat yang diperolehi daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku. Dalam konteks kajian ini, motivasi adalah disifatkan sebagai satu keinginan murid untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.



1.10.9 Penglibatan

Penyertaan dalam pendidikan yang berkesan terhadap pembentukan perbuatan atau amalan (Raul, 2014). Fiksdal (2014) menyatakan bahawa penglibatan diri merupakan perbuatan atau hal mebabitkan diri dalam sesuatu perkara. Penglibatan adalah sejenis penyertaan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang boleh membawa kepada pelbagai ukuran yang boleh diukur hasil penyertaannya (Raul, 2014).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
23

1.11 Kesimpulan

Bab ini membincangkan secara ringkas tentang kajian yang dijalankan. Kajian ini adalah penting dijalankan dalam bidang pendidikan agar dapat membantu guru dalam penambahbaikan dan peningkatan amalan pedagogi pengajaran serta pembelajaran yang lebih berkesan dalam Bahasa Melayu. Matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah berpusat kepada komunikasi dan keaktifan guru dengan murid yang memerlukan kedua-dua pihak saling berinteraksi bagi mengalakkan pembelajaran. Oleh itu, sistem token ekonomi dapat meningkatkan pencapaian, motivasi pembelajaran dan mengalakkan murid untuk mengambil inisiatif untuk terlibat dalam aktiviti belajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi